

# Kluster Puncak Ilmu libatkan pelajar UMS

Oleh Siti Aisyah Narudin

UB 15.12.2021 P.02

**KOTA KINABALU:** Satu kluster baharu dikesan semalam membabitkan kes indeks pelajar lelaki Universiti Malaysia Sabah (UMS) yang tinggal di asrama.

Menyatakan perkembangan kluster baharu tersebut, Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Datuk Seri Panglima Masidi Manjun berkata, Kluster Puncak Ilmu terbabit merekodkan sebanyak 41 kes baharu.

Katanya, saringan ke atas kontak rapat mendapati 40 pelajar dan kakitangan UMS turut dijangkiti.

Menurutnya, kluster berkenaan menyebabkan jumlah

kes di Sabah naik semula secara mendadak.

“Jumlah kes baharu yang direkodkan semalam adalah sebanyak 232 kes, pertambahan sebanyak 51 kes berbanding hari sebelumnya,” katanya dalam kenyataan di sini semalam.

Beliau berkata, seramai 215 orang daripada 232 pesakit dalam kategori satu dan dua, empat pesakit dalam kategori tiga, tiga pesakit dalam kategori empat, dan tidak ada kes dalam kategori lima. Sebanyak 10 kes lagi masih dalam penilaian lanjut Jabatan Kesihatan Negeri Sabah (JKNS).